

Headline	Ops Murni hantar bekalan air bersih kepada mangsa banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	22
ArticleSize	215 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,199		



Ops Murni hantar bekalan air bersih kepada mangsa banjir

KUALA LUMPUR - Nasib mangsa banjir di Pantai Timur terus mendapat perhatian. Terbaru, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dengan kerjasama Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (Askar Wataniah-AW) dan Rejimen Pakar Pengendalian Bekalan Elektrik Ke-70 RAJD (AW), Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (Puncak Niaga) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), melancarkan melancarkan Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bekalan Air Bersih (Ops Murni) kepada mangsa banjir di Kuantan, Pahang dan Kemaman; Terengganu, semalam.

Pengerusi Eksekutif Syabas merangkap Rejimen Pakar Pengendalian Air RAJD Ke-60 (AW), Brigadier Jeneral (Kehormat), Tan Sri Rozali Ismail berkata, misi terbabit sesuai dengan gesaan Kementerian Pertahanan yang mengarahkan semua agensi dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk bersiap sedia menghulur bantuan ke kawasan banjir.

Menurutnya, selain bantuan kemanusiaan, Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (AW) dan Rejimen Pakar Pengendalian Bekalan Elektrik Ke-70 RAJD (AW) turut membantu memberi bekalan air bersih kepada mangsa banjir.



Rozali (dua, kiri) dan Mohd Isa (kanan) ketika simbolik pelancaran misi bantuan kemanusiaan Ops Murni yang berlangsung semalam.

“Seramai 116 anggota terdiri daripada Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (AW), Rejimen Pakar Pengendalian Bekalan Elektrik Ke-70 RAJD (AW), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), termasuk 16 kakitangan Syabas terlibat dalam misi berkenaan dan bilangan anggota akan ditambah dan digerakkan dari negeri lain sekiranya memerlukan.

“Dalam misi bantuan ini, jumlah kenderaan yang digunakan adalah terdiri daripada kenderaan ATM (10 lori tiga tan dan sebuah loader), Syabas (12 lori 3 tan, enam lori tangki air dan sebuah minivan), TNB (tiga lori dan kenderaan awam 2 unit).

“Kenderaan ini akan digunakan bagi mengangkut sejumlah 8,800 bo-

tol air minuman bersaiz lima liter setiap satu dan 9,600 botol air minuman 500ml dalam menghantar bekalan tersebut untuk diagih-agihkan kepada mangsa-mangsa banjir. Jumlah air minuman berbotol akan ditambah secara berperingkat,” katanya pada sidang media pelancaran misi berkenaan, semalam.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Syabas, Mohd Isa Mohd Yassin.

Sementara itu, Rozali, berkata, Puncak Niaga Sdn Bhd dengan kerjasama dari ATM akan menghantar dua unit sistem penapis air bergerak (Portable Water Purification System) sebagai usaha sokongan bagi mendapatkan air bersih di kawasan yang dilanda banjir.